

TARIKH –TARIKH PENTING



TARIKH	PERKARA
PERINGKAT PERTAMA	
1 - 31 Mac 2011	<ul style="list-style-type: none"> Penyerahan Borang Penyertaan
Pada/sebelum 1 Jun 2011	<ul style="list-style-type: none"> Penyerahan kertas konsep dan anggaran kos.
2 Jun hingga 30 Jun 2011	<ul style="list-style-type: none"> Penilaian dan pemilihan kertas konsep oleh pihak penganjur.
1 hingga 15 Julai 2011	<ul style="list-style-type: none"> Pemberitahuan peserta yang disenarai pendek (pengagihan kos pembinaan prototaip rekacipta).
PERINGKAT KEDUA	
16 Julai hingga 18 September 2011	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan prototaip.
19 September 2011	<ul style="list-style-type: none"> Penghantaran prototaip untuk tapisan. (Hanya prototaip yang siap dibina dan boleh berfungsi sahaja layak ke pertandingan akhir). Pencipta wajib hadir semasa penghantaran prototaip. Pengagihan elaun kepada yang terpilih ke peringkat ketiga/akhir.
PERINGKAT KETIGA/AKHIR	
20 hingga 30 September 2011	<ul style="list-style-type: none"> Penghakiman.
4 Oktober 2011	<ul style="list-style-type: none"> Majlis penyampaian hadiah dan penutupan Pertandingan Rekacipta 2011.



Borang Penyertaan boleh didapati di Pejabat Daerah, Akhbar Daily Express, Pejabat Unit Sains dan Teknologi dan melalui laman web <http://www.sabah.gov.my/ust>

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

PENGARAH
UNIT SAINS DAN TEKNOLOGI
 Jabatan Ketua Menteri,
 Tingkat 7, Blok B, Wisma Muis,
 P.O.Box 15449
 88864 Kota Kinabalu
Puan Fiona Joseph Sandi
Encik Mohd. Hanafi Bin Datuk Hj Semion

Tel : 088-240430 / 088-240317 /
 088-240559 / 088-240315
 Fax : 088-249410
<http://www.sabah.gov.my/ust>
 E-mel : ust@sabah.gov.my
fiona.josephsandi@sabah.gov.my
mohdhanafi.semion@sabah.gov.my



REBUTLAH PELUANG INI!!

Anjuran bersama



UNIT SAINS DAN TEKNOLOGI
 JABATAN KETUA MENTERI

ZULL DESIGN
 AUTOTRONIC
 (000832962-W)



PERTANDINGAN

REKACIPTA SABAH 2011



"Rekacipta Adalah Perniagaan"

Media Rasmi



Daily Express

BERMULA 1 MAC 2011

PENGENALAN

Pertandingan rekacipta telah mula diadakan sebagai acara rasmi Unit Sains dan Teknologi (UST) sejak tahun 2009 dengan penyertaan pelajar sekolah sahaja. Pendekatan baru bagi pertandingan ini dilaksanakan oleh UST dengan kerjasama Zull Design Autotronic dengan penyertaan semua lapisan rakyat negeri Sabah tanpa had umur. Kerjasama pertandingan rekacipta ini adalah inisiatif UST dalam mencapai salah satu objektif unit ini iaitu meningkatkan keupayaan bagi menghasilkan inovasi dan reka bentuk asli (tempatan).

Zull Design Autotronic merupakan sebuah syarikat yang menjuruskan perniagaan dalam bidang penciptaan. Pertandingan ini adalah selaras dengan misi Zull Design Autotronic dalam melatih anak muda tempatan agar menceburkan diri dalam bidang perniagaan rekacipta.

Pendekatan ini juga bertepatan dengan Dasar Sains dan Teknologi Negara 2 agar pihak kerajaan berkerjasama dengan pihak swasta dalam mempromosi hasil yang boleh dikomersilkan.



OBJEKTIF

- Memberi peluang dan ruang kepada masyarakat tempatan untuk menentengahkan daya kreativiti mereka.
- Mewujudkan/menggalakkan masyarakat menceburi bidang keusahawanan.
- Membantu memudahkan masyarakat dalam menghadapi kehidupan seharian mereka.
- Mencungkil bakat masyarakat tempatan.

SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan adalah terbuka kepada semua rakyat negeri Sabah secara individu atau berkumpulan.
2. Tiada had umur.
3. Peserta diminta mengemukakan kertas konsep sahaja. Format kertas konsep perlu mempunyai bahagian-bahagian seperti i)Latar belakang projek, ii)Lukisan, iii)Penerangan lukisan, iv)Bagaimana sistem berfungsi dan v)Anggaran kos material digunakan (penghakiman peringkat pertama).
4. Penilaian dan pemilihan kertas konsep oleh pihak penganjur.
5. Peserta yang disenaraipendek dikehendaki membina prototaip.
6. Peserta yang berjaya memenangi pertandingan wajib menjual **ATAU** memberikan hak pemasaran rekaciptanya kepada syarikat yang dipilih oleh penganjur.
7. Bahagian C Pra-perjanjian (dalam borang penyertaan) hendaklah ditandatangani sebelum pertandingan.
8. Peserta yang tidak tersenarai dalam senarai pendek masih boleh menyertai pertandingan akhir dengan syarat semua kos pembinaan prototaip dan perbelanjaan menghadiri pertandingan akhir ditanggung oleh peserta sendiri. Tetapi, jika ciptaan tersebut memenangi pertandingan, kos pembinaan prototaip dan elaun menghadiri sebanyak RM500.00 akan dibayar kembali oleh pihak penganjur.

KATEGORI REKACIPTA

AUTOMASI RUMAH

TEMA:
ALAT MEMBUNUH /
PERANGKAP NYAMUK



HADIAH / KEWANGAN / KONTRAK

1. Pemenang

- 1.1 Pemenang akan menandatangani kontrak bersama syarikat yang dipilih oleh penganjur. Royalti akan dibayar mengikut kepada penjualan rekacipta,

atau

- 1.2 Pemenang menjual terus hak rekacipta mereka kepada syarikat yang dipilih oleh pihak penganjur (bayaran dibuat sekali sahaja).

2. Pembiayaan kos pembinaan prototaip

- 2.1 Peserta yang disenaraipendekkan akan diberi peruntukan untuk membina prototaip rekacipta oleh Syarikat Zull Design Autotronic.

3. Elaun

- 3.1 Elaun RM500.00 akan diberi kepada penyertaan yang berjaya pertandingan akhir untuk menghadiri pertandingan akhir yang akan diadakan di Kota Kinabalu.



Penghakiman akan dilakukan berdasarkan kriteria berikut:

- I. Keaslian
- II. Kreativiti
- III. Kegunaan dan Aplikasi
- IV. Potensi Komersial / Kebolehpasaran
- V. Mesra Pengguna dan mesra alam